



PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI
KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET PEMBANGUNAN BELIA
BIL. 1/ 2024

Hari ini saya mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia Bil 1/2024 bertempat di Bangunan Parlimen. Mesyuarat ini merupakan platform bagi membincangkan isu-isu pembangunan belia yang memerlukan keputusan dasar di setiap Kementerian dan Agensi berkaitan agar dapat mencapai satu kesepakatan yang menyeluruh.

Dalam mesyuarat ini saya telah memberikan penekanan kepada beberapa isu iaitu penurunan skor Indeks Belia Malaysia daripada 48.49 peratus pada tahun 2021 kepada 42.43 peratus pada tahun 2022. Penurunan skor berkenaan menunjukkan bahawa belia kurang terlibat dengan aktiviti semasa waktu lapang. Jika perkara ini tidak di atasi, belia dikhuatiri melakukan perkara tidak berfaedah dan menjadi punca kepada kejahatan sosial.

Saya juga meminta pengisian kepada program Rakan Muda menjadi agenda nasional dengan mengambil pendekatan Whole of Nation. Program Rakan Muda bertujuan untuk memastikan waktu lapang diisi dengan aktiviti yang bermanfaat serta sebagai platform kepada pengukuhan intergrasi nasional dan perpaduan kaum.

Saya difahamkan menerusi pembentangan pemerkasaan ekosistem pembangunan belia, senario belia di peringkat nasional dan global terdapat 14.62 juta (45%) belia berusia 15-40 tahun di peringkat nasional berbanding 9.06 juta (28%) belia berusia 15-30 tahun di peringkat global.

Saya juga mengambil maklum terdapat isu belia yang melingkari golongan belia yang telah dikenalpasti dan memerlukan intervensi dan pelan pemerkasaan yang holistik melibatkan sektor ekonomi dan sosial yang berpacuan data (dashboard belia). Isu belia tersebut adalah peluang pekerjaan, penyalahgunaan dadah (AIDS/HIV), pornografi, buli siber, sedikit penipuan pekerjaan, kesihatan mental, kewangan, buhun diri dan perpaduan dan ekstremisme, kenegaraan dan demokrasi.

Mesyuarat juga telah memutuskan :

- i. Majlis Belia Malaysia (MBM) mengambil langkah progresif untuk menjayakan penguatkuasaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Pindaan) 2019 [Akta A1602] pada 1 Januari 2026 terutamanya memastikan berlaku peralihan transisi kepimpinan pertubuhan belia;
- ii. Intervensi strategik yang dikenal pasti bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh belia melalui pembangunan Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia. Pelan ini akan disokong dengan Dashboard Belia yang melibatkan semua kumpulan pelaksana pembangunan belia serta pemerkasaan peranan pertubuhan belia yang secara langsung memberi manfaat kepada belia massa melalui Visi MBM 2048;
- iii. Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia dijangka akan dilancarkan semasa Sambutan HBN Peringkat Kebangsaan Tahun 2024. Selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), pelan ini telah menetapkan tiga (3) Matlamat, 10 Strategi dan 24 Inisiatif serta digerakkan oleh 11 Agensi Peneraju dan 69 Rakan Kolaborasi dengan mengambil pendekatan Konsep Merentas Pelaksana di bawah Dasar Belia Malaysia;
- iv. Semua Kementerian/ Agensi mengguna pakai Dashboard Belia yang berfungsi sebagai platform utama dan 'one stop gateway' bagi mengumpul maklumat program/ aktiviti/ projek merentas agensi pelaksana di seluruh Malaysia berkaitan belia. Dashboard ini juga berfungsi memantau dan melihat keberhasilan atau pulangan yang

diperoleh daripada pelaburan/ peruntukan yang diberikan (return of investment) bagi semua aktiviti/program pembangunan belia;

- v. Visi MBM 2048 bertujuan untuk memperkasakan peranan pertubuhan belia dengan menyediakan pelbagai inisiatif kepada belia yang dapat mewujudkan persekitaran yang menyokong (supportive environment) secara inklusif bagi memperkukuhkan ekosistem pembangunan belia;
- vi. Bagi menyokong Ekonomi Gig, Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan telah memperluaskan skop melalui penambahan program TVET Gig bagi lapan (8) bidang kursus termasuk penawaran kursus kemahiran berorientasikan elemen sukan. Kursus-kursus ini akan menjadi lebih fleksibel bagi menarik minat belia menyertai dan menyumbang kepada sektor ekonomi gig. Sasaran penyertaan 2,100 pelajar TVET Institut Latihan Kementerian Belia dan Sukan dan 3,300 orang pekerja Gig adalah untuk menyokong ekonomi Gig. Bagi pekerja Gig Pelaksanaan kursus seperti Program Skills For Life dan kursus modular bagi pensijilan micro-credential.
- vii. Bagi pelaksanaan program Rakan Muda 2023, KBS mencapai penyertaan melebihi sasaran awal satu (1) juta dengan penyertaan seramai 1,112,334 orang melalui 4,132 aktiviti. Maklum balas daripada Kementerian lain bagi aktiviti Rakan Muda yang sesuai dirangkumkan di bawah 10 Gaya Hidup pada tahun lepas adalah sebanyak 3,128 program dengan penyertaan peserta seramai 4,570,256 orang. Sehubungan itu, penyelarasan yang lebih baik antara semua Kementerian/ Agensi diperlukan bagi memastikan semua data

program dan penyertaan program Rakan Muda dapat disatukan untuk mencapai sasaran penyertaan secara fizikal dan digital pada tahun 2024, iaitu 11 juta penyertaan.

Akhir sekali, mesyuarat turut bersetuju bahawa usaha untuk melahirkan golongan belia yang berupaya menyumbang secara positif kepada pembangunan negara memerlukan kerjasama dan komitmen daripada semua Kementerian dan Agensi Kerajaan berdasarkan fungsi dan kepakaran masing-masing.

DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

PENGERUSI JAWATANKUASA KABINET PEMBANGUNAN BELIA

20 MAC 2024